

## Kebahagiaan di Dunia

Daripada Nafi' bin Abd al-Haris Khuzaie RA, Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثُ فَضَائِلَ مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِي الدُّنْيَا: الْجَارُ الصَّالِحُ، وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ،  
وَالْمَرْكَبُ الْهَيِّنُ.

**Maksudnya:** "Tiga kelebihan daripada kebahagiaan seseorang di dunia: Jiran yang baik, kediaman yang luas dan kenderaan yang memudahkan."

Riwayat Ahmad dalam *Musnad* (3/407-408), al-Hakim dalam *al-Mustadrak* (4/166-167) dan hadis ini mengikut lafaz al-Tabarani

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

Dr. Aidh bin Abdullah al-Qarani berkata: Ada sepuluh kriteria utama bagi para wali Allah, maka sesiapa yang menemukan sifat-sifat tersebut pada dirinya, maka hendaklah dia memuji Allah dan siapa yang mendapatkan selain daripada itu, maka hendaklah ia hanya mencela dirinya sendiri:

#### 1. Ikhlas dalam Beramal

Mengikhhlaskan segala amal perbuatan hanya kerana Allah semata-mata sebagaimana firman-Nya:

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكَتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ  
 مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٥﴾ بَلِ اللَّهُ فَاَعْبُدْ وَكُنْ مِنَ الشَّاكِرِينَ

**Maksudnya:** Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada (nabi-nabi) yang sebelummu. Jika kamu mempersekutukan (Tuhan), nescaya akan hapuslah amalanmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang rugi. Kerana itu, maka hendaklah Allah sahaja kamu sembah dan hendaklah kamu termasuk orang-orang yang bersyukur.

(Surah al-Zumar: 65-66)

## 2. Menjadikan Rasulullah SAW Imam, Pemimpin dan Suri Teladan

Para wali Allah SWT rela menjadikan Rasulullah SAW sebagai Imam, pemimpin dan suri teladan mereka. Mereka berhukum dengan hukumnya dan meneladaninya dalam segala tingkah-lakunya, mereka juga memposisikan Rasulullah SAW sebagai orang yang paling mereka cintai, bahkan lebih daripada pendengaran, dan penglihatan mereka.

## 3. Mencintai dan Membenci Semata-mata Kerana Allah SWT

Sesungguhnya para wali Allah yang mencintai dan membenci seseorang semata-mata kerana Allah SWT. Mereka mencintai sekelompok manusia, kerana kedekatan mereka kepada Allah SWT dan mereka juga membenci sekelompok manusia yang lain kerana mereka jauh daripada Allah SWT.

## 4. Tidak Menyimpan Perasaan Dengki, Benci, Dendam dan Hasad Kepada Siapa Sahaja Dari Hamba Allah SWT

Hati mereka terhadap kaum Muslimin sentiasa terjaga, mereka sama sekali tidak menyimpan perasaan dengki, benci, dendam dan hasad kepada siapa sahaja daripada hamba Allah SWT.

## 5. Menyempurnakan Ibadah-ibadah Fardu (Wajib) dan Membekali Diri dengan Ibadah-ibadah Sunat

Sesungguhnya para wali Allah SWT sentiasa dan sangat giat untuk menyempurnakan ibadah-ibadah fardu (wajib) dan membekali diri mereka

dengan ibadah-ibadah sunat. Kalau kamu melihat lelaki yang gemar memelihara ibadah-ibadah fardunya dan melaksanakannya sesempurna mungkin serta membekali dirinya dengan ibadah-ibadah sunat, maka orang ini termasuk salah seorang wali Allah SWT.

**6. Akidah Mereka Adalah Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah**

Sesungguhnya akidah mereka adalah akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Seorang hamba itu tidak akan sempurna menjadi hamba Allah SWT yang hakiki, sementara di lain pihak dia adalah seorang ahli bidaah (mengatakan atau melakukan sesuatu, tanpa ada dalil atau landasan syarie).

**7. Mengajak Kepada Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran Serta Tidak Kikir dalam Menyebarkan Ilmu**

Sesungguhnya mereka ini sentiasa mengajak manusia kepada kebaikan, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta tidak kikir dalam menyebarkan ilmu mereka.

**8. Sentiasa Ingin Mencintai dan Bersatu dengan Kaum Muslimin Serta Tidak Menyukai Perpecahan**

Sesungguhnya mereka sentiasa menginginkan untuk mencintai masuk dan bersatu dalam “*Jamaah Islamiyyah*” dan tidak menyukai perpecahan dan berusaha untuk mengumpulkan kekuatan serta menghilangkan semua perselisihan.

**9. Kembali Kepada al-Quran dan Hadis dalam menyelesaikan Perselisihan dan Perpecahan**

Dalam setiap perselisihan dan perpecahan, mereka sentiasa kembali merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. Jika mereka berselisihan faham dalam sesuatu masalah, mereka akan segera meneliti dan membahasnya di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

**10. Berkata Benar dan Menjauhi Perkataan yang Batil**

Para wali Allah SWT itu sentiasa berkata dengan benar dan mereka tidak

terpengaruh dengan hawa nafsu mereka untuk mengatakan sesuatu yang batil. Sebenarnya terlalu banyak sifat mahmudah yang dapat kita pakaikan dalam kehidupan kita, begitu juga dengan menjauhi segala sifat *mazmumah*.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Jauhilah dunia, nescaya Allah SWT akan mencintai kamu. Jauhilah apa yang ada pada orang lain nescaya mereka akan mencintai kamu, berpuas dirilah dengan yang sedikit, lakukanlah semua yang diturunkan dari langit, bersiaplah untuk melakukan perjalanan, dan takutlah kepada yang Maha Agung.
- ❖ **Pujangga berkata:** Sekali waktu lakukanlah perjalanan untuk menyegarkan semula suasana hidup, untuk melihat perihal dunia di luar dunianya, untuk melihat hal-hal baru, negeri-negeri lain. Perjalanan adalah satu kenikmatan tersendiri.

### Kisah Teladan

Seorang pemerintah iaitu Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi telah mengerahkan segala usahanya untuk mengusir seorang ulama yang berkarisma, iaitu: Said bin Jubair hampir lapan tahun lamanya barulah ianya berhasil membunuhnya.

Tatkala Said bin Jubair menemui Hajjaj, Hajjaj bertanya kepadanya: “Siapakah nama anda?” (sebenarnya dia sudah mengetahui namanya). Said bin Jubair menjawab: “Namaku adalah Said bin Jubair.”

Maka Hajjaj membantahnya dengan pura-pura berkata: “Oh tidak, namamu adalah Syaqqiy bin Kasir (orang yang sengsara lagi binasa).” Said berkata: “Sesungguhnya ibuku lebih tahu ketika dia memberikan nama untukku.”

Hajjaj berkata: “Sengsoralah kamu dan sengsara pulalah ibumu”, lalu dia berkata dengan penuh ancaman: “Demi Allah, saya akan menggantikan dunia ini dengan api neraka yang menyala-nyala bagimu.” Said menjawab: “Jikalau saya mengetahui bahawa urusan itu ada di tanganmu, maka saya akan menjadikanmu

sebagai Tuhan!”

Hajjaj berkata: “Berikan padaku emas dan harta yang melimpah.” Maka para tenteranya menghadirkan beberapa plastik emas dan perak, lalu melemparkannya di hadapan Said bin Jubair, mereka hendak mengujinya. Said bin Jubair berkata: “Wahai Hajjaj, kalau kamu melakukan semua ini hanya kerana riak, *sum'ah* dan menghalangnya dari jalan Allah SWT, demi Allah hartamu tidak mampu menolongmu dari seksaan Allah.”

Hajjaj berkata: “Cuba hadirkan kepadaku seorang gundik penyanyi”, lalu Hajjaj berkata kepada gundik tersebut: “Bernyanyi dan berdendanglah.” Maka Said bin Jubair menangis, lalu Hajjaj bertanya kepadanya: “Apakah kamu menangis kerana nyanyian ini?” Said menjawab: “Demi Allah, saya sama sekali tidak menangis kerana nyanyian itu, akan tetapi aku menangis gundik yang dihinakan dan dipergunakan kepada sesuatu yang dikeluarkan daripada matlamat penciptaannya, kerana dia itu tidaklah diciptakan untuk bernyanyi.”

Hajjaj berkata: “Seret dia dan palingkan dia dari arah kiblat. Wahai Said bin Jubair, demi Allah saya akan membunuhnya dengan cara yang paling pedih, yang belum pernah dilakukan oleh seorang pembunuh.” Said menjawab: “Wahai Hajjaj, pilihlah jenis pembunuhan seperti yang kamu inginkan kepadaku, demi Allah kamu tidak akan membunuhku melainkan Allah yang akan membunuhmu, sebagaimana kamu membunuhku, maka pilihlah cara pembunuhan yang kamu inginkan bagi dirimu?” Hajjaj berkata: “Palingkan dia daripada arah kiblat.” Said terus membaca ayat al-Quran:

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُولُوا فَسَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

**Maksudnya:** Bagi Allah lah yang menguasai timur dan barat, maka kemanapun kamu menghadap, disitulah wajah Allah, Sesungguhnya Allah Maha Luas dan Maha Mengetahui.

(Surah al-Baqarah: 115)

Hajjaj berkata lagi: “Benamkan mukanya ke tanah.” Said pun membacakan firman Allah SWT:

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى

**Maksudnya:** *Daripada bumi (tanah) itulah Kami menjadikan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan daripadanya Kami akan mengeluarkan kamu pada sekian kalinya.*

(Surah Taha: 55)

Hajjaj berkata: “Bunuhlah dia.” Maka Said berkata: “Tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, wahai Hajjaj, ambillah kalimah ini supaya kamu boleh berjumpa dengan saya disisi Allah kelak. Ya Allah, janganlah engkau perkenankan baginya kekuasaan untuk membunuh orang lain setelahku.” Kemudian Hajjaj membunuhnya.

Hajjaj berkata tentang dirinya: “Selepas peristiwa ini setiap malam aku selalu bermimpi melihat diriku berenang di tengah-tengah darah, dan tidaklah suatu malam berlalu melainkan aku bermimpi seolah-olah hari kiamat telah tiba dan Allah menghitung semua amal perbuatanku dan membunuhku sebagai balasan daripada setiap orang yang selama ini telah aku bunuh, kecuali Said bin Jubair. Allah membunuhku sebanyak tujuh puluh kali sebagai balasan daripadanya.

Akhirnya, setelah sebulan berlalu dari peristiwa kesyahidan Said bin Jubair, Allah membinasakannya dengan sangat dashyat sekali.

